PERBADANAN KEMAJUAN KRAFTANGAN MALAYSIA
(Agensi di Bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya)

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam kategori dan pengkhususan berkaitan sebagaimana di bawah:

1	**TAJUK SEBUT HARGA**	**SEBUT HARGA BAGI PROJEK NAIK TARAF DATARAN DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI KOMPLEKS KRAF MELAKA, PERBADANAN KEMAJUAN KRAFTANGAN MALAYSIA CAWANGAN MELAKA**
2	**NO. SEBUT HARGA**	**PKKM/MLK/S/59/2026**
3	**SYARAT KELAYAKAN**	**Berdaftar dengan CIDB serta mempunyai PPK dan SPKK yang masih sah** (Alamat pendaftaran di negeri Melaka sahaja) **Gred: G2;** **Kategori: B24 - Kerja Penyenggaraan Bangunan** **E04 - Pemasangan Voltan Rendah**
4	**HARGA DOKUMEN**	**RM10.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)** Secara Tunai Atau Bank Draf/ Kiriman Wang/ Wang Pos Atas Nama Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia
5	**TAKLIMAT/ LAWATAN TAPAK**	**Tarikh : 30 Oktober 2026 (Jumaat)** **Masa : 10.00 pagi** **Tempat : Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Cawangan Melaka Kompleks Kraf Melaka Lebuh Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya 75450 Ayer Keroh, Melaka** (Kehadiran adalah diwajibkan)
6	**MASA PEMBELIAN DOKUMEN**	**Isnin hingga Khamis : 8.30 pagi – 12.45 tengah hari** **2.00 petang – 4.30 petang** **Jumaat : 8.30 pagi – 12.00 tengah hari** **2.45 petang – 4.30 petang**
7	**TARIKH TUTUP**	**6 November 2026 (Jumaat)** Pukul 12.00 Tengah Hari

1. Dokumen sebut harga hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor yang sah dan menghadiri taklimat dan lawatan tapak sahaja. Kontraktor (pemilik syarikat yang dinamakan) hendaklah membawa dokumen-dokumen **ASAL** dan **SALINAN** bagi **Sijil Akuan Pendaftaran dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** yang masih sah untuk semakan. **Surat Kebenaran Khas dari CIDB tidak dibenarkan bagi Kategori E04**.

2. Lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN**. Hanya **PENAMA** di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) sahaja yang boleh menghadiri lawatan tapak atau taklimat sebut harga dan **TIDAK BOLEH** mewakilkan pegawai lain.

3. Dokumen sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri, dengan 'No. Rujukan Sebut Harga' dituliskan di sebelah kiri sampul yang dimasuki. Dokumen hendaklah dipos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari pada tarikh sebut harga ini ditutup di alamat berikut:

Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia
Cawangan Melaka
Kompleks Kraf Melaka Lebuh Ayer Keroh,
Hang Tuah Jaya 75450 Ayer Keroh, Melaka

Tel : 06-253 1500 | Faks : 06-253 1510